

19 JUN 2003

Mahathir-Sidang Video (Bergambar)

MASALAH TEKNIKAL GANGGU SIDANG VIDEO PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Persidangan video antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Kelab Umno Luar Negara hari ini tergendala berikutan masalah teknikal.

Persidangan video yang dijadualkan antara Presiden parti dengan Kelab Umno Ireland, Kelab Umno Birmingham, Kelab Umno Queensland dan Kelab Umno Mesir di sudut Aras 3 Pusat Dagangan Dunia Putra itu, hanya sempat berlangsung beberapa minit.

Bermula dengan Kelab Umno Ireland, Dr Mahathir dan wakil kelab berkenaan hanya sempat memberi salam dan bertanya khabar, sebelum hubungan terputus.

Dr Mahathir kemudiannya berhubung dengan wakil Kelab Umno Mesir, tetapi mereka tidak dapat mendengar suara Perdana Menteri, sebelum sidang video yang menggunakan teknologi jalur lebar tanpa wayar, itu terpaksa ditamatkan.

Pada majlis yang sama, Dr Mahathir turut melancarkan "Direktori Kelab Umno Luar Negara" yang mengandungi alamat dan nombor telefon kelab-kelab berkenaan.

Pada masa ini terdapat 44 buah kelab Umno dengan seramai 4,000 anggota di beberapa buah negara, antaranya di United Kingdom, Australia, New Zealand, Russia, Indonesia, Korea Selatan, Jordan, Jepun dan Mesir.

Pengerusi Jawatankuasa Kelab-kelab Umno Luar Negara Datuk Shafie Apdal ketika ditemui selepas majlis berkenaan berkata sebelum ini telah dua kali siri latihan diadakan berkaitan sidang video itu dan berjaya.

"Cuma kali ini terdapat masalah teknikal, mereka (Kelab Umno Ireland) dapat mendengar dan melihat kita, cuma kita tidak dapat mendengar mereka...", kata Shafie.

Dr Mahathir kemudian meluangkan masa mengunjungi gerai-gerai yang terdapat di Aras 3, PWTC iaitu Kraftangan Bachok Kelantan yang menghasilkan kraftangan dan ukiran daripada kayu jenis "Kayu Pulau".

Beliau juga melawat gerai Arus Andaman Sdn Bhd, yang menghasilkan seni lukisan, karikatur dan potret Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MS HS KHY RON